PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
(PTKP/Q/2/2025)

Dalam Perkara mengenai Seksyen 263 Kanun Tanah Negara.

Dalam Perkara mengenai Gadaian Perserahan **No. 2120/2011** didaftarkan pada **18 Mei 2011** ke atas tanah di bawah pegangan **GM 1997, Lot No. 3538, Mukim Binjal, Daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah Darul Aman.**

DI ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM ... PEMEGANG GADAIAN

DAN

MURSHIZI BIN MAHADZIR (NO. K/P : 760728-02-5385) ... PENGGADAI

AKAN MENJUAL HARTANAH BERKENAAN SECARA
LELONGAN AWAM
PADA HARI KHAMIS, 28 OGOS 2025
PADA JAM 10.00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT TANAH DAERAH KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN

HARGA RIZAB : RM170,000 .00

(RINGGIT MALAYSIA : SATU RATUS TUJUH PULUH RIBU SAHAJA)

JURULELONG :-

YAHAYA BIN MOHD SAID, AMK;BKM
JURULELONG AWAM BERLESEN
NO. 647-A, LORONG MAKTAB
JALAN KUALA KEDAH
05400 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN
TEL/FAX : 04-7721007 / H/P: 012-4719816
E-MAIL : pakyapublicbank@gmail.com
NO. RUJ : YMS/PTKP/LPPSA/02/2025

PEGUAM :-

TETUAN TAWFEEK BADJENID & PARTNERS.
PEGUAMBELA & PEGUAMCARA
NO. 24, TINGKAT 1, JALAN LAGENDA 2
LAGENDA HEIGHTS
08000 SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN
TEL : 04-3838362
E-MAIL : tbp_sp@yahoo.com
NO. RUJ : TBP/SP/L/FC/LPPSA/240630/24/FATIN

PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
(PTKP/Q/2/2025)

Dalam Perkara mengenai Seksyen 263 Kanun Tanah Negara.

Dalam Perkara mengenai Gadaian Perserahan **No. 2120/2011** didaftarkan pada **18 Mei 2011** ke atas tanah di bawah pegangan **GM 1997, Lot No. 3538, Mukim Binjal, Daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah Darul Aman.**

DI ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM ... PEMEGANG GADAIAN

DAN

MURSHIZI BIN MAHADZIR (NO. K/P : 760728-02-5385) ... PENGGADAI

Dalam menjalankan Perintah Pentadbir Tanah Daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah Darul Aman bertarikh 19 Jun 2025 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa hartanah di bawah pegangan **GM 1997, Lot No. 3538, Mukim Binjal, Daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah Darul Aman** dengan dibantu oleh Pelelong Berlesen, Yahaya Bin Mohd Said

AKAN MENJUAL HARTANAH BERKENAAN SECARA
LELONGAN AWAM
PADA HARI KHAMIS, 28 OGOS 2025
PADA JAM 10.00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT TANAH DAERAH KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN

BUTIR-BUTIR HAKMILIK:-

NO. HAKMILIK	: GM 1997
NO. LOT	: LOT NO. 3538
TEMPAT	: Kubu
MUKIM/DAERAH/NEGERI	: Mukim Binjal, Daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah
KELUASAN TANAH	: 102 Meter Persegi (1,097.92 Kaki Persegi)
TARAF PEGANGAN	: Selama-lamanya
PEMILIK BERDAFTAR	: **MURSHIZI BIN MAHADZIR** (No. K/P : 760728-02-5385) - 1/1 bahagian
KAWASAN RIZAB	: **Lot Untuk Orang Melayu**
KEGUNAAN TANAH	: Bangunan
SYARAT NYATA	: **RUMAH TERES KOS RENDAH** Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan sebagai tapak satu bangunan (kediaman) Rumah Teres Rendah
CUKAI TANAH	: RM 40.00
SEKATAN KEPENTINGAN	: Ditegah tuan tanah membuat sebarang perkiraan (dealings) di atas tanah yang hendak dimajukan sebagai tapak perumahan ini melainkan tuan tanah bina dan pelihara simpanan jalan itu dan taruh batu dan tar menurut taraf Jabatan Kerja Raya serta perbuat parit-parit dengan sepuas hati Penguasa Tempatan serta mendapat sokongan daripada Jabatan Kerja Raya atau ada jaminan daripada Penguasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya bahawa jalan-jalan dan parit-parit itu dapat disempurnakan.
BEBANAN	: Dicagarkan kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam melalui No. Perserahan : 2120/2011. Gadaian menjamin wang pokok. Didaftarkan pada 18 Mei 2011.

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH:-

Hartanah berkenaan merupakan **Sebuah Rumah Teres Satu Tingkat Kos Rendah** yang dikenali sebagai **GM 1997, No. Lot 3538, Mukim Binjal, Daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah Darul Aman.** Hartanah ini mempunyai keluasan tanah **102 Meter Persegi (1,097.92 Kaki Persegi)** dan beralamat **di No. 63, Jalan Desa Pahlawan 3, Taman Desa Pahlawan, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman.**

HARGA RIZAB: RM170,000.00

(RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS TUJUH PULUH RIBU SAHAJA)

**Nota : Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum Jualan Lelong.

CARA BAYARAN :-

Hartanah tersebut akan dijual tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM170,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS TUJUH PULUH RIBU SAHAJA)** dan tertakluk kepada syarat-syarat jualan yang dicetakkan di Perisytiharan Jualan. Penawar yang berminat dikehendaki mendepositkan 10% daripada harga rizab iaitu **RM17,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : TUJUH BELAS RIBU SAHAJA)** dalam bentuk **Bank Deraf** atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM.**

Pastikan deraf bank 10% dan salinan kad pengenalan penawar hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat berukuran 4 inci x 9 inci dengan mencatatkan **No. Fail PTKP/Q/2/2025** di bahagian atas sebelah kiri sampul surat itu. Sampul surat yang telah digam hendaklah dimasukkan kedalam peti surat yang di sediakan **di Perkarangan Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu, Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu, 06000 Jitra, Kedah** sebelum lelongan awam dimulakan.

Penyelesaian baki harga belian hendaklah dibayar oleh pembeli dalam tempoh **120 hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 25 Disember (tahun) 2025 kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM.** Jika gagal, wang deposit sebanyak 10% akan dirampas.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan PENTADBIR TANAH DAERAH KUBANG PASU, KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN (Tel : 04-7028282) No. Ruj: PTKP/Q/2/2025 (11) atau, PEGUAMBELA & PEGUAMCARA ataupun PELELONG BERLESEN yang dilantik seperti di bawah:-

TETUAN TAWFEEK BADJENID & PARTNERS.
Peguambela & Peguamcara,
No. 24, Tingkat 1, Jalan Lagenda 2
Lagenda Heights
08000 Sungai Petani
Kedah Darul Aman
Tel : 04-3838362 Email : tbp_sp@yahoo.com
Ruj Tuan : TBP/SP/L/FC/LPPSA/240630/24/FATIN

YAHAYA BIN MOHD SAID, AMK;BKM
PELELONG BERLESEN NEGERI KEDAH
NO. 647-A, Lorong Maktab,
Jalan Kuala Kedah,
05400 Alor Setar,
KEDAH DARUL AMAN.
Tel / Fax : 04-7721007 & H/P : 012-4719816
E-mail : pakyapublicbank@gmail.com
Ruj Kami : YMS/PTKP/LPPSA/02/2025

MEMORANDUM KONTRAK JUALAN

Dalam penjualan secara lelongan awam pada **28 Ogos 2025** mengenai hartanah **GM 1997, No. Lot 3538, Mukim Binjal, Daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah Darul Aman.** Hartanah berkenaan merupakan Sebuah Rumah Teres Satu Tingkat Kos Rendah beralamat di **No. 63, Jalan Desa Pahlawan 3, Taman Desa Pahlawan, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman,** yang tersebut di dalam Perintah Jualan dan Syarat-Syarat Jualan di atas adalah disahkan sebagai PEMBELI hartanah tersebut

Nama _____

_____ No. K/P: _____

ALAMAT _____

_____

NO. TELEFON : _____

Penama di atas adalah pembeli hartanah tersebut tertakluk kepada syarat-syarat jualan yang dilampirkan bersama ini dengan harga jualan Ringgit Malaysia :

_____ (RM : _____)

DAN telah membayar **Deposit 10%** daripada jumlah harga jualan sebanyak Ringgit Malaysia :

_____ (RM : _____)

kepada pihak **PEMEGANG GADAIAN** dan **PEMBELI** bersetuju untuk membayar baki harga jualan dalam tempoh tidak melebihi **120 hari** dari tarikh jualan lelong kepada **PEMEGANG GADAIAN** untuk menyelesaikan penjualan bersesuaian dengan syarat-syarat jualan yang dinyatakan dalam Perintah Jualan.

HARGA JUALAN/BIDAAN	RM .....
DEPOSIT	RM .....
BAKI	RM .....

.....
T/tangan Pembeli / Wakil Pembeli
Nama Wakil :

.....
T/tangan Pentadbir Tanah Daerah Kubang Pasu,
(Ruj : PTKP/Q/2/2025)

Saya dengan ini mengesahkan penjualan tersebut dan mengaku penerimaan deraf bank/cashier order

No : ..... bernilai RM ..... DAN wang tunai RM.....

iaitu deposit 10% harga jualan daripada PEMBELI.

Bertarikh : 28 Ogos 2025

.....
WAKIL PEMEGANG GADAIAN
LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
Ruj : 655003951488

.....
WAKIL PEGUAM
TETUAN TAWFEEK BADJENID & PARTNER
Ruj : TBP/SP/L/FC/LPPSA/240630/24/FATIN

Nama : .....

Nama : .....

SYARAT-SYARAT JUALAN
PTKP/Q/2/2025 (11)

1. Pemegang Gadaian **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** (selepas ini dirujuk sebagai **Pemegang Gadaian**) yang menjual hartanah ini mengikut suatu Perintah Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah Darul Aman (selepas ini dirujuk sebagai " **Pentadbir Tanah** ") bertarikh **19 Jun 2025** menurut Seksyen 263 Kanun Tanah Negara.

2. Hartanah Yang Akan Dijual Adalah Terkandung Dalam Jadual Tanah Dan Kepentingan merupakan **Sebuah Rumah Teres Satu Tingkat Kos Rendah yang beralamat di No. 63, Jalan Desa Pahlawan 3, Taman Desa Pahlawan, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman** (Selepas ini Dirujuk Sebagai " **Hartanah Tersebut**").

BANDAR/ PEKAN/ MUKIM	NO.*LOT/ PETAK/PT.	JENIS DAN NO. HAKMILIK	BAHAGIAN TANAH (JIKA ADA)	CATATAN	NO. BERDAFTAR *PAJAKAN/ KECIL (JIKA ADA)	NO. DAFTAR GADAIAN (JIKA ADA)
MUKIM BINJAL	**LOT 3538**	**GM 1997**	**KESEMUA**	**LELONGAN AWAM DENGAN HARGA RIZAB RM170,000.00**	**TIADA**	**NO. PER: 2120/2011**

3. Semua penawar-penawar yang ingin membuat tawaran adalah dikehendaki mendaftarkan diri mereka dan mendepositkan dengan **Pentadbir Tanah** satu jumlah **10%** daripada harga rizab (selepas ini dirujuk sebagai " **Jumlah Tersebut**") dalam bentuk Bank Deraf/Cashier Order atas nama **Pemegang Gadaian.**

4. Sesiapa yang ingin membuat tawaran dalam lelongan awam bagi pihak orang persendirian, Badan-Badan Berkanun atau Syarikat dikehendaki mengemukakan kepada **Pentadbir Tanah sebelum lelongan dimulakan** pada hari lelongan awam, satu surat daripada pihak orang persendirian, Badan-Badan Berkanun atau Syarikat yang mengesahkan bahawa beliau telah diberikuasa untuk mewakili mereka untuk membuat tawaran dan menandatangani semua dokumen-dokumen berkenaan dalam lelongan awam ini tertakluk kepada syarat bahawa jika **Hartanah Tersebut** adalah Tanah Simpanan Melayu/Lot Untuk Orang Melayu, hanya orang Melayu sahaja dibenarkan untuk bertindak sebagai ejen/wakil.

5. Penawar-penawar yang **mendaftar** diri mereka dan mendepositkan Jumlah Tersebut menurut **Syarat 3** diatas dianggap telah bersetuju untuk mematuhi dan tertakluk kepada segala Syarat-syarat Jualan ini.

6. Tawaran tidak boleh kurang daripada harga rizab yang ditetapkan oleh **Pentadbir Tanah** untuk **Hartanah Tersebut** pada masa lelongan awam ini dan tawaran tidak boleh ditarik balik dalam apa juga keadaan.

7. **Jumlah Tersebut** akan dirampas oleh **Pentadbir Tanah** dan dibayar kepada Pemegang Gadaian setelah komisen **Pejabat Tanah** dijelaskan jika penawar berkenaan enggan, gagal atau lalai membuat sebarang tawaran dalam lelongan awam untuk **Hartanah Tersebut.**

8. Pemegang Gadaian adalah bebas untuk membuat tawaran dalam lelongan awam ini dan sekiranya beliau berjaya dan menjadi **pembeli.** Pemegang Gadaian hendaklah menolak **Harga Belian** dengan **hutang Penggadai/Pemberi Gadaian** dibawah gadaian atas **Hartanah Tersebut** setakat hari lelongan awam ini berserta dengan kos **DAN** perbelanjaan lelongan awam **dan penolakan sedemikian merupakan pembayaran Harga Belian yang sempurna didalam perjanjian ini.**

9. Pemegang Gadaian hendaklah menyediakan dan memberi kepada **Pentadbir Tanah** dan Penggadai/Pemberi Gadaian secepat mungkin selepas tarikh lelongan awam ini satu penyata bayaran-bayaran yang kena dibayar setakat tarikh lelongan awam dalam Borang 16Q.

10. **Pentadbir Tanah** tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi dan mempunyai kuasa atau budibicara untuk menolak sebarang bayaran dan melelong semula **Hartanah Tersebut.** Untuk tujuan syarat ini, keputusan **Pentadbir Tanah** adalah muktamad.

11. Tertakluk kepada harga rizab dan jika dibenarkan oleh **Pentadbir Tanah,** penawar bagi tawaran yang tertinggi (selepas ini dirujuk sebagai " **Harga Belian** ") akan diisytiharkan sebagai **Pembeli Hartanah Tersebut** (selepas ini dirujuk sebagai " **Pembeli** ").

12. Sebaik selepas ketukan tukul, **Pembeli** hendaklah menandatangani Memorandum Kontrak Jualan dibawah syarat-syarat ini pada hari lelongan awam ini dengan serta-merta.

13. i) Jika **Pembeli** enggan, gagal atau lalai menandatangani Memorandum Kontrak Jualan yang dirujukkan dalam **Syarat 12** diatas, **Jumlah Tersebut** hendaklah dirampas oleh **Pentadbir Tanah** akibat keingkaran **Pembeli** dan dibayar kepada Pemegang Gadaian setelah **komisen** dijelaskan dan Hartanah Tersebut akan ditarik balik dari jualan tersebut.

    ii) Dalam keadaan-keadaan yang tersebut diatas, Pemegang Gadaian berhak menuntut daripada **Pembeli** kos dan gantirugi (termasuk kos jualan semula bersama dengan pengurangan harga, jika ada) yang dialami oleh Pemegang Gadaian akibat jualan semula atau tidak ada jualan semula, mengikut mana yang berkenaan.

14. Jika Pembeli memberhentikan pembayaran **Deraf Bank** atau Cashier Order untuk **Jumlah Tersebut,** maka **Hartanah Tersebut** hendaklah ditarik balik daripada jualan itu dan Pemegang Gadaian berhak menuntut daripada **Pembeli** kos dan gantirugi (termasuk kos jualan semula, mengikut mana yang berkenaan). Pemegang Gadaian juga berhak menuntut daripada Pembeli satu jumlah wang bersamaan dengan **Deposit Tersebut** kerana **Deposit Tersebut** sepatutnya dirampas oleh Pemegang Gadaian akibat keingkaran **Pembeli.**

15 **Pemegang Gadaian** hendaklah menyelesaikan dengan serta-merta atau tidak lewat daripada **30 hari** selepas hari Lelongan Awam segala perbelanjaan-perbelanjaan jualan termasuk **komisen Pentadbir Tanah dan Jurulelong.**

16. i) Baki **Harga Belian** hendaklah dibayar oleh **Pembeli** kepada Pemegang Gadaian dalam tempoh **120 hari** daripada hari lelongan awam (selepas ini dirujuk sebagai " **Tarikh Penyelesaian** ") melalui deraf bank atau cashier order.

ii) **Tarikh Penyelesaian** tidak boleh dilanjutkan dalam apa-apa keadaan pun.

iii) Sekiranya **Pembeli** enggan , gagal atau lalai untuk menyelesaikan baki **Harga Belian** dalam Tempoh Penyelesaian, **Deposit Tersebut** hendaklah dirampas oleh Pemegang Gadaian, Pemegang Gadaian berhak menuntut daripada Pembeli kos dan gantirugi.

17. Pemegang Gadaian atau Peguamcaranya hendaklah :

i) Mengesahkan dalam tulisan kepada **Pentadbir Tanah** dengan serta-merta selepas menerima baki **Harga Belian**; dan
ii) Memberi kepada **Pentadbir Tanah** satu penyata akaun penerimaan dan bayaran dalam tempoh 30 hari selepas baki **Harga Belian** diterima olehnya.

18. i) **Pemegang Gadaian** hendaklah dalam tempoh 14 hari selepas menerima baki Harga Belian membayar semua sewa (sekiranya ada) kepada Pihak Berkuasa Negeri atau pemberi pajakan (jika gadaian yang berkenaan adalah gadaian ke atas pajakan) dan apa-apa tunggakan cukai tanah, cukai pintu setakat hari lelongan awam daripada **Harga Belian Hartanah Tersebut;** dan selepas itu memberi salinan-salinan resit untuk pembayaran tersebut kepada Pembeli atau Peguamcaranya dalam tempoh yang sama.

ii) Apa-apa bayaran yang bersangkutan dengan urusan pindahmilik selepas dari hari Lelongan awam itu hendaklah ditanggung oleh pembeli.

19. i) Setelah Pembeli menyelesaikan keseluruhan baki Harga Belian tersebut, pihak Pemegang Gadaian hendaklah memberi salinan-salinan yang diakui sah perintah-perintah perletakan (jika ada), Borang Penukaran Nama dalam Borang 13 Akta Syarikat 1965 (jika ada) dan dokumen-dokumen lain kepada Pembeli atau Peguamcaranya.

ii) Duti Setem dan fees pendaftaran untuk pendaftaran Sijil Jualan dan Borang 16 I hendaklah diuruskan sendiri oleh Pembeli atau Peguamcaranya dengan Pejabat Tanah yang berkenaan.

20. Tertakluk kepada penjelasan komisen kepada Pejabat Tanah, selepas membayar baki **Harga Belian** dalam Tempoh Penyelesaian, **Pembeli** berhak menerima daripada **Pentadbir Tanah** dokumen-dokumen berikut dalam tempoh 14 hari daripada Pemegang Gadaian menerima baki **Harga Belian.**

i) Sijil Jualan dalam Borang 16 I yang boleh didaftarkan yang disediakan oleh Pembeli; dan
ii) Salinan asal isu dokumen hakmilik **Hartanah Tersebut** atau salinan isu dokumen hakmilik yang dicetak oleh computer atau salinan pendua pajakan, mengikut mana yang berkenaan, dan salinan pendua gadaian.

21. Sebaik sahaja selepas ketukan tukul, **Hartanah Tersebut** akan menjadi tanggungjawab **Pembeli. Pentadbir Tanah** atau Pemegang Gadaian tidak bertanggungjawab mengenai apa-apa kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau lain-lain kemalangan atau sebaliknya atas **Hartanah Tersebut** dan **Pembeli** tidak boleh membatalkan Memorandum Kontrak Jualan ini atas alasan berlakunya perkara-perkara yang tersebut terdahulu.

22. Penawar-penawar atau **Pembeli** hendaklah megenalpasti **Hartanah Tersebut** dan butir-butir mengenai **Hartanah Tersebut** adalah tepat dan **Pentadbir Tanah**/Jurulelong tidak bertanggungjawab untuk memastikan maklumat-maklumat mengenai **Hartanh Tersebut** yang diperuntukkan dalam lelongan awam ini adalah tepat.

23. **Hartanah tersebut** adalah dipercayai dan dianggap diperihalkan dengan betul dan dijual dalam keadaan sedia ada, tertakluk kepada semua bebanan termasuk ismen, kaveat, tenansi, tangunggan dan hak seperti dicatatkan di dokumen hakmilik **Hartanah Tersebut** dan tidak ada kesilapan kenyataan yang salah atau deskripsi yang salah akan membatalkan perjualan dan tidak ada bayaran ganti rugi yang akan dibuat.

24. Pemegang Gadaian tidak akan bertanggungjawab untuk mengemukakan dan menyerahkan milikan kosong **Hartanah Tersebut** kepada **Pembeli.**

25. **Penamaan (nominee)** adalah tidak dibenarkan sama sekali selepas ketukan tukul. Nama seorang pembeli yang sah sahaja ditulis di dalam Memorandum Kontrak Jualan.

26. Jika berlaku apa-apa percanggahan, kenyataan yang salah atau kesilapan yang terdapat di dalam terjemahan bahasa-bahasa lain mengenai butir-butir dan syarat-syarat didalam ini, maka versi Bahasa Malaysia hendaklah dipakai.

27. Sekiranya terdapat baki setelah ditolak daripada Harga Belian, segala perbelanjaan jualan yang termasuk komisen Pentadbir Tanah, fees dan perbelajaan pelelong dan hutang Penggadai, Pemegang Gadaian hendaklah menyerahkan baki tersebut kepada Penggadai dalam tempoh 14 hari daripada Tarikh Penyelesaian.

28. Bank draf hendaklah dimasukkan sebelum waktu yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah pada hari lelongan dan penerimaan bank draf selepas waktu yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah adalah tertakluk kepada budibicara Pentadbir Tanah.

29. Lelongan awam ini adalah tertakluk kepada **Akta 1104/01** yang telah dikuatkuasakan mulai **01-12-2001** dimana Borang 16I diberi kepada Pembeli, sebarang keperluan untuk memperolehi persetujuan Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan sekatan-sekatan kepentingan **Hartanah Tersebut** adalah tidak terpakai.

30. Semua penawar yang berniat termasuk Pembeli adalah dianggap telah pun membaca, memahami dan mengakui Syarat-Syarat Jualan ini sebelum jualan lelongan awam dimulakan.

31. Warganegara asing dan orang yang diisytiharkan muflis tidak dibenarkan membuat tawaran.

PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN HARTANAH (PTKP/Q/2/2025)

Dalam Perkara mengenai Seksyen 263 Kanun Tanah Negara.

ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM ... PEMEGANG GADAIAN

DAN

MURSHIZI BIN MAHADZIR (NO. K/P : 760728-02-5385) ... PENGGADAI

AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM
PADA : 28 OGOS 2025 (KHAMIS) JAM : 10.00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT TANAH DAERAH KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.

NOTA: Bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat Carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa semua tanggungan, bebanan serta mengenal pasti dengan tepat hartanah tersebut sebelum jualan lelongan dijalankan.



HARGA RIZAB: RM 170,000.00

HAKMILIK	HARTANAH
GM 1997, NO. LOT 3538, Mukim Binjal, Daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah. Pegangan: Selama-lamanya Keluasan: 102 Meter Persegi (1,097.92 Kaki Persegi) Kawasan Rizab: **LOT ORANG MELAYU** Bebanan: Gadaian kepada **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**	Hartanah tersebut ialah sebuah RUMAH TERES KOS RENDAH SETINGKAT (UNIT TENGAH) **ALAMAT :** **NO. 63, JALAN DESA PAHLAWAN 3** **TAMAN DESA PAHLAWAN** **06000 JITRA** **KEDAH DARUL AMAN**

Hartanah tersebut akan dijual seperti keadaan sedia ada tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM170,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS TUJUH PULUH RIBU SAHAJA)** dan kepada Syarat-Syarat Jualan yang dilampirkan. Penawar yang berminat hendaklah **mendepositkan 10% daripada harga rizab** iaitu **RM17,000.00 dalam bentuk Bank Deraf di atas nama LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** sebelum **Jam 10.00 pagi** pada hari lelongan awam. Bank Deraf bersama dengan salinan Kad Pengenalan Penawar hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berukuran 4 inci x 9 inci dengan mencatit No. Rujukan Pejabat Tanah: **PTKP/Q/2/2025** di bahagian atas sebelah kiri sampul surat itu dan digamkan masuk ke dalam peti surat di Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah.

Baki harga belian hendaklah dibayar oleh Pembeli yang berjaya kepada **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** dalam tempoh **seratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan iaitu, tidak lewat dari tarikh 25 Disember 2025**. Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan;

YAHAYA BIN MOHD SAID, AMK;BKM
PELELONG BERLESEN NEGERI KEDAH
TEL: 012 4719816
RUJ: YMS/PTKP/LPPSA/02/2025

TETUAN TAWFEEK BADJENID & PARTNERS
PEGUAMBELA & PEGUAMCARA
TEL: 04-3838362
RUJ: TBP/SP/L/LPPSA/240630/24/FATIN

PTKP/Q/2/2025 (11)

Kanun Tanah Negara

Borang 16H
(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, **MU'AMMAR BIN HAJI MOHAMAD ALI**, *~~Pendaftar Mahkamah Tinggi~~/Penolong Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh *seksyen ~~257~~/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual *tanah/~~bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil~~ yang diperihalkan di dalam jadual di bawah ini :

Dan saya selanjutnya memerintahkan -

(a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada **28 haribulan Ogos (tahun) 2025 pada 10:00 *pagi/~~petang~~** di -

Perkarangan Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu
Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu.....
06000 Jitra, Kedah Darul Aman.....

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah **RM 170,000.00**
(Dalam perkataan - Satu Ratus Tujuh Puluh Ribu Ringgit Sahaja);

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/~~pemegang-pemegang gadaian~~ pada tarikh ini ialah **RM 90,300.24 (23 haribulan April 2025).**

(a)* **RM 90,300.24 **Nama pemegang gadaian : Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.**

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

(a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1 *(b)* di atas :

RM 17,000.00 **(Dalam perkataan – Tujuh Belas Ribu Ringgit Sahaja);**

(b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

(c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya -

(i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan *(a)* hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

(d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa **tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan**, iaitu, tidak lewat dari tarikh **25 haribulan Disember (tahun) 2025** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

(e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan *(d)*, jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan *(c)* kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah Seksyen 267A.

Bertarikh pada 19 JUN 2025

.....

~~*Pendaftar Mahkamah/~~Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah
Daerah Kubang Pasu
Negeri Kedah Darul Aman

JADUAL TANAH *DAN KEPENTINGAN					
~~*Bandar/ Pekan/~~ Mukim	No. *Lot/ ~~Petak/ P.T.~~	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar *Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
Mukim Binjal	**LOT 3538**	**GM 1997**	**Kesemua**	**Tiada**	**No. Perserahan : 2120/2011**

Tempat : **Mukim Binjal**
Syarat Nyata : **Rumah Teres Kos Rendah**
Keluasan : **102 Meter Persegi**
Kawasan Rizab : **Lot Untuk Orang Melayu**

1. Penggadai : **Murshizi Bin Mahadzir** **No.K/P: 760728-02-5385**
   (i) No.B143, Taman Derga Jaya, Lorong Seraya 5, Jalan Datuk Kumbar, 05300 Alor Setar, Kedah.
   (ii) No.38 A, Seberang Bakar Bata, Lubok Peringgi, 05150 Alor Setar.
   (iii) Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium, 05604 Alor Setar.

2. Peguambela & peguamcara pemegang gadaian : **Tetuan Tawfeek Badjenid & Partners.**
   No.24, Tingkat 1, Jalan Lagenda 2,
   Lagenda Heights,
   08000 Sungai Petani, Kedah.
   (Ruj. Tuan : TBP/SP/L/FC/LPPSA/240630/24/FATIN)

3. Pemegang gadaian : **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.**
   Kompleks Kementerian Kewangan, No.9, Persiaran Perdana,
   Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
   62592 Putrajaya.
   (Ruj. Tuan : 655003951488)

4. Pelelong berlesen : **Yahaya Bin Mohd Said** **No. Tel : 012-4719816**

5. Pamer : Atas hartanah : **No.63, Jalan Desa Pahlawan 3, Taman Desa Pahlawan, 06000 Jitra.**
   Pejabat penghulu : **Binjal**
   Masjid/surau
   Tempat awam
   Papan kenyataan **Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu.**

(Co. Reg. No. 637371-A)
IPC ISLAND PROPERTY CONSULTANTS SDN. BHD.
REAL ESTATE VALUATION AND CONSULTANCY SERVICES
PENILAI HARTA
NO. 34B, FIRST FLOOR, JALAN BAKAR ARANG, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH, MALAYSIA TEL : 04-424 2666 EMAIL: ipckedah@gmail.com

Your Ref : Account No. 655003951488
Our Ref : IPC/SP/V/KED/MFH/AY/24-3362
Date : 29th October, 2024

PRIVATE & CONFIDENTIAL

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 9, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

THE FINANCIAL INSTITUTION THAT WISHES TO USE THIS REPORT IS ADVISED TO CONTACT US FOR WRITTEN CONFIRMATION OF OUR OPINION OF VALUE PRIOR TO THE APPROVAL OF ANY FACILITIES.

Attn : En. Mohd Ainsuha Bin Hakimi

Dear Sirs,

RE : REPORT AND VALUATION

PROPERTY : AN INTERMEDIATE UNIT SINGLE STOREY TERRACED LOW-COST HOUSE IDENTIFIED AS LOT NO. 3538, TITLE NO. GM 1997, MUKIM OF BINJAL, DISTRICT OF KUBANG PASU, STATE OF KEDAH [Assessment Address: No. 63, Jalan Desa Pahlawan 3, Taman Desa Pahlawan, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman]

BORROWER : MURSHIZI BIN MAHADZIR

Pursuant to the instruction from **Messrs Tawfeek Badjenid & Partners, Advocates & Solicitors** to assess the Market Value of the abovementioned property, we have accordingly inspected the property, examined all relevant data and submit herewith our Report and Valuation for your perusal.

In accordance with our terms of reference and subject to the limiting conditions stated herein, we are of the opinion that the **Market Value** of the property, subject to the individual title being good, marketable, registrable, free from encumbrances and with the benefit of vacant possession is **RM170,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : ONE HUNDRED AND SEVENTY THOUSAND ONLY).**

We assess the **Forced Sale Value** of the Subject Property at **RM136,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : ONE HUNDRED AND THIRTY SIX THOUSAND ONLY).**

Thank You

Yours faithfully,
IPC ISLAND PROPERTY CONSULTANTS SDN BHD (Co. Reg. No. 637371-A)

Sr AZLAN YUSOF
B.Sc. (Hons) Property Management (UTM), MRISM, MPEPS, MMIPPM
Registered Valuer – V 721

EXECUTIVE SUMMARY

VALUER REFERENCE	:	IPC/SP/V/KED/MFH/AY/24-3362
BANK REFERENCE	:	Account No. 655003951488
PURPOSE OF VALUATION	:	**Foreclosure**
BORROWER NAME	:	**MURSHIZI BIN MAHADZIR**
DATE OF VALUATION	:	**22nd October, 2024**
DATE OF INSPECTION	:	**22nd October, 2024**
METHOD OF VALUATION	:	Comparison Approach
CONDITION OF BUILDING	:	Good
DESCRIPTION OF PROPERTY	:	Lot No. 3538, Title No. GM 1997, Mukim of Binjal, District of Kubang Pasu, State of Kedah.
ASSESSMENT ADDRESS	:	No. 63, Jalan Desa Pahlawan 3, Taman Desa Pahlawan, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman
PROPERTY TYPE	:	An intermediate unit single storey terraced low-cost house
TENURE	:	Freehold
LAND AREA	:	102 square metres
BUILT-UP AREA (Typical Building)	:	Main Building 59.45 square metres Ancillary 31.59 square metres **Total Floor Area 91.04 square metres**
REGISTERED OWNER	:	**MURSHIZI BIN MAHADZIR (NRIC No. 760728-02-5385) – 1/1 share**
CATEGORY OF LAND USE	:	Bangunan
EXPRESS CONDITIONS	:	**RUMAH TERES KOS RENDAH** Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan sebagai tapak satu bangunan (kediaman) Rumah Teres Rendah.

EXECUTIVE SUMMARY (Cont'd)

RESTRICTIONS IN INTEREST	:	Ditegah tuan tanah membuat sebarang perkiraan (dealings) di atas tanah yang hendak dimajukan sebagai tapak perumahan itu melainkan tuan tanah bina dan peliharakan simpanan jalan itu dan taruh batu dan tar menurut taraf Jabatan Kerja Raya Serta perbuat parit-parit dengan sepuas hati Penguasa Tempatan serta mendapat sokongan daripada Jabatan Kerja Raya atau ada jaminan daripada Penguasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya bahawa jalan-jalan dan parit-parit itu dapat di sempurnakan.
OCCUPANCY STATUS	:	Occupied
ENCUMBRANCES	:	Charged to **MINISTER OF FINANCE (INCORPORATED) MALAYSIA** vide Persn. No. 2120/2011 registered on 18th May, 2011.
ENDORSEMENTS	:	1) Perserahan No. 631/2006 Lot Untuk Orang Melayu di daftarkan pada 17 Mei 2006. 2) Perserahan No. 1187/2009 Lot Untuk Orang Melayu di daftarkan pada 24 Jun 2009. 3) Perserahan No. 1499/2015 Pindaan Cukai Tanah di daftarkan pada 7 September 2015.
MARKET VALUE	:	**RM170,000.00**
FORCED SALE VALUE	:	**RM136,000.00**
EMAIL ADDRESS	:	ipckedah@gmail.com

Note :

THE ABOVE SHOULD BE READ IN THE CONTEXT WITH THE WHOLE REPORT, WITH PARTICULAR ATTENTION TO THE ASSUMPTIONS, IF ANY, AS STATED IN THE RELEVANT SECTIONS OF THE REPORT AND VALUATION.

This report is to be used solely by the party it is prepared for and for the specific purpose to which it refers and neither the whole nor any part of this valuation report or any reference thereto may be included in any published document, circular or statement nor in any communication with third parties without our prior written approval of the form and context in which it may appear.



FLOOR PLAN

NOT TO SCALE

APPENDIX C

IPC ISLAND PROPERTY CONSULTANTS SDN BHD

REGISTERED VALUERS - PROPERTY MANAGERS - PROPERTY CONSULTANTS - ESTATE AGENTS

REF: IPC/SP/V/KED/MFH/AY/24-3362



VIEW OF THE SUBJECT PROPERTY



GENERAL VIEW OF THE SUBJECT PROPERTY

PHOTOGRAPHS

APPENDIX D

IPC ISLAND PROPERTY CONSULTANTS SDN BHD

REGISTERED VALUERS • PROPERTY MANAGERS • PROPERTY CONSULTANTS • ESTATE AGENTS

REF: IPC/SP/V/KED/MFH/AY/24-3362



REAR VIEW OF THE SUBJECT PROPERTY



PHOTOGRAPHS

APPENDIX D

IPC ISLAND PROPERTY CONSULTANTS SDN BHD

REGISTERED VALUERS - PROPERTY MANAGERS - PROPERTY CONSULTANTS - ESTATE AGENTS

REF: IPC/SP/V/KED/MFH/AY/24-3362

CATATAN CARIAN PERSENDIRIAN

APPENDIX E

Jenis dan No. Hakmilik	: GM 1997	Nombor Lot/PT	: Lot 3538
Bandar/Pekan/Mukim	: MUKIM BINJAL	Tempat	: KUBU
Keluasan	: 102 Meter Persegi	Daerah	: KUBANG PASU
Nombor Syit Piawai	: 47-A	Nombor Pelan Akui	: 108202
Taraf Pegangan *(Selama-lamanya atau Pajakan)*	: Selama-lamanya	Tarikh Luput Pajakan *(Jika Berkenaan)*	:
Tarikh Daftar	: 10 Ogos 2009	Cukai Tanah	: RM40.00

Kategori Kegunaan Tanah : Bangunan

Syarat Nyata : RUMAH TERES KOS RENDAH
Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan sebagai tapak satu bangunan (kediaman) Rumah Teres Rendah

Sekatan Kepentingan : Ditegah tuan tanah membuat sebarang perkiraan (dealings) diatas tanah yang hendak dimajukan sebagai tapak perumahan ini melainkan tuan tanah bina dan pelihara simpanan jalan itu dan taruh batu dan tar menurut taraf Jabatan Kerja Raya serta perbuat parit-parit dengan sepuas hati Penguasa Tempatan serta mendapat sokongan daripada Jabatan Kerja Raya atau ada jaminan daripada Penguasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya bahawa jalan-jalan dan parit-parit itu dapat di sempurnakan

Rekod Ketuanpunyaan :

MURSHIZI BIN MAHADZIR , No. Kad pengenalan : 760728-02-5385
Warganegara Malaysia , 1/1 bahagian
NO/ B143, TAMAN DERGA JAYA LORONG SERAYA 5, JALAN DATUK KUMBAR, 05300 ALOR SETAR, KEDAH

Rekod Urusan Dan Lain-lain :

Nombor Perserahan : 631/2006 Lot Untuk Orang Melayu
di daftarkan pada 17 Mei 2006 jam 11:19:39 pagi

Nombor Perserahan : 1187/2009 Lot Untuk Orang Melayu
di daftarkan pada 24 Jun 2009 jam 09:37:33 pagi

Nombor Perserahan : 2119/2011 Pindahmilik Tanah
oleh KUBANG PASU DEVELOPMENT SDN.BHD.,No. Syarikat : 112924-D ,1/1 bahagian
kepada MURSHIZI BIN MAHADZIR, No k.p :760728-02-5385, 1/1 bahagian
NO/ B143, TAMAN DERGA JAYA LORONG SERAYA 5, JALAN DATUK KUMBAR, 05300 ALOR SETAR, KEDAH
di daftarkan pada 18 Mei 2011 jam 12:18:31 petang

Nombor Perserahan : 2120/2011 Gadaian menjamin wang pokok
oleh MURSHIZI BIN MAHADZIR, ,No. kp : 760728-02-5385 ,1/1 bahagian
kepada MINISTER OF FINANCE (INCORPORATED) MALAYSIA
NO.9, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN, PERSIARAN PERDANA PRESINT 2, 62592 PUTRAJAYA
di daftarkan pada 18 Mei 2011 jam 12:18:31 petang

Nombor Perserahan : 1499/2015 Pindaan Cukai Tanah
di daftarkan pada 7 September 2015 jam 08:52:42 pagi

LOT UNTUK ORANG MELAYU

Urusan-urusan dalam Perserahan yang belum didaftarkan : Tiada

Urusan-urusan dalam Perserahan yang digantung : 0

Perkara lain yang melibatkan hakmilik :
Cukai tanah dipinda dari RM 35.00 kepada RM 40.00
menurut Seksyen 101 Kanun Tanah Negara mulai dari 1 Januari 2016.
(No Warta MMK No.6(F)230/2015 bertarikh 29 Julai 2015.)

Dikeluarkan pada	: 12:11:27 petang	**Tarikh**	: 23 Oktober 2024
Bayaran dijelaskan	: RM 30.00	**Nombor Resit**	: 20241023EP000191

APPENDIX F

MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU,
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.
Telefon : 04 - 702 3300
Faks : 04 - 702 3488
Email : admin@mpkp@mpkubangpasu.gov.my
Laman Web : www.mpkubangpasu.gov.my

SEPARUH TAHUN KEDUA 2024

BIL TERKINI

NAMA DAN ALAMAT PEMILIK	
NAMA : MURSHIZI BIN MAHADZIR	NO. BIL : 2023735
ALAMAT : 63, JALAN DESA PAHLAWAN 3, TAMAN DESA PAHLAWAN, 06000 JITRA KEDAH DARUL AMAN	NO. AKAUN : T-050024650-00
	AKAUN : T180 063
	TARIKH : 22/10/2024

BUTIR - BUTIR HARTA

ALAMAT HARTA : 63, JALAN DESA PAHLAWAN 3, TAMAN DESA PAHLAWAN, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN

NILAI TAHUNAN	1,080.00
KADAR	8.00%
TAKSIRAN TAHUNAN	86.40
TEMPOH BIL	JUL - DIS 2024
TARIKH AKHIR	31/08/2024

JomPay
Biller Code: 1446
Ref-1: T050024650C0
Ref-2: NO. TELEFON
JomPay online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa atau kad kredit

T050024650C0

5753

BUTIR-BUTIR BAYARAN (UNTUK KEGUNAAN PEJABAT)

KETERANGAN	AMAUN (RM)
TGK NOTIS E	8.00
BIL TGK CUKAI TAKSIR	478.90
NOTIS E	2.00
BIL CUKAI TAKSIRAN	86.40
JUMLAH DIBIL :	575.30
JUMLAH PERLU DIBAYAR :	575.30

CATATAN BIL TAKSIRAN PERLU DIBAYAR SEBELUM 28/02/2023 JUMLAH AMAUN YANG BERADA DI DALAM ( ) ADALAH BERMAKSUD LEBIHAN BAYARAN

YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

BIL CUKAI TAKSIRAN

NAMA : MURSHIZI BIN MAHADZIR
ALAMAT : 63, JALAN DESA PAHLAWAN 3, TAMAN DESA PAHLAWAN, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN

NO. BIL	: 2023735
NO. AKAUN	: T-050024650-00
AKAUN LAMA	: T180 063
TARIKH	: 22/10/2024

1033/22/10/2024

BUTIR-BUTIR BAYARAN (UNTUK KEGUNAAN PEJABAT)

KETERANGAN	AMAUN (RM)
TGK NOTIS E	8.00
BIL TGK CUKAI TAKSIR	478.90
NOTIS E	2.00
BIL CUKAI TAKSIRAN	86.40
JUMLAH DIBIL :	575.30
JUMLAH PERLU DIBAYAR :	575.30